



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS  
2019 (COVID-19) DI MALAYSIA  
1 APRIL 2022**

**PENGGUNAAN KAPASITI KATIL COVID-19 DI HOSPITAL  
DAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19  
BERISIKO RENDAH (PKRC)**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada 31 Mac 2022, **penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi kes COVID-19:**

- **Katil Kes Kritikal atau Unit Rawatan Rapi (ICU): (Tiga) 3 negeri** iaitu WP Kuala Lumpur (57%), Perlis (55%), dan Selangor (50%) menunjukkan peratusan pengisian  **$\geq 50\%$  (Jadual 1)**;
- **Katil Bukan ICU: Dua (3) negeri** iaitu WP Putrajaya (96%), Selangor (63%), dan WP Kuala Lumpur (50%) menunjukkan peratusan pengisian  **$\geq 50\%$  (Jadual 1)**;

- **Katil PKRC: Tiada negeri** yang menunjukkan peratusan pengisian  $\geq 50\%$  (**Jadual 1**) dan;
- Pesakit COVID-19 yang memerlukan **alat bantuan pernafasan (ventilator)** menurun kepada **164 pesakit** dengan peratusan **penggunaan ventilator 19%**.

**Jadual 1:** Penggunaan katil COVID-19 bagi ICU dan bukan ICU di hospital dan PKRC pada 31 Mac 2022

NEGERI	PENGGUNAAN KATIL COVID-19 DI HOSPITAL DAN PKRC PADA 31.3.2022								
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU			PKRC		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT COVID & PUI	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	PERATUS PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	165	43	26%	11	6	55%	114	0	0%
Kedah	1,228	301	25%	130	33	25%	666	40	6%
Pulau Pinang	691	211	31%	49	24	49%	800	35	4%
Perak	882	353	40%	55	16	29%	150	14	9%
Selangor	1,587	1,002	63%	86	43	50%	1385	169	12%
WP Kuala Lumpur	731	363	50%	30	17	57%	0	0	0%
WP Putrajaya	83	80	96%	3	0	0%	0	0	0%
Negeri Sembilan	516	169	33%	61	11	18%	224	21	9%
Melaka	283	130	46%	32	6	19%	849	80	9%
Johor	1,616	551	34%	58	22	38%	585	2	0%
Pahang	771	215	28%	81	15	19%	722	41	6%
Terengganu	487	186	38%	40	8	20%	641	54	8%
Kelantan	750	178	24%	48	19	40%	842	57	7%
Sabah	1,313	283	22%	118	29	25%	1,593	31	2%
Sarawak	1,000	451	45%	73	18	25%	1095	102	9%
WP Labuan	98	8	8%	7	0	0%	130	0	0%
<b>JUMLAH</b>	<b>12,201</b>	<b>4,524</b>	<b>37%</b>	<b>882</b>	<b>267</b>	<b>30%</b>	<b>9,796</b>	<b>646</b>	<b>7%</b>

## Jadual 2: Penggunaan keseluruhan katil termasuk kes COVID-19 dan bukan COVID-19 di hospital awam pada 31 Mac 2022

PENGUNAAN KATIL KES COVID-19 DAN BUKAN COVID19 DIHOSPITAL PADA 31.3.2022

NEGERI	PENGUNAAN KATIL COVID- 19 DAN BUKAN COVID-19					
	KATIL HOSPITAL BUKAN KRITIKAL			KATIL HOSPITAL ICU		
	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN	BILANGAN KATIL	BILANGAN PESAKIT	% PENGGUNAAN
Perlis	484	287	59%	19	13	68%
Kedah	2609	1860	71%	146	67	46%
Pulau Pinang	1969	1449	74%	88	54	61%
Perak	5218	3279	63%	102	57	56%
Selangor	5176	3197	62%	192	131	68%
WP Kuala Lumpur	4366	2334	53%	97	67	69%
WP Putrajaya	585	298	51%	20	11	55%
Negeri Sembilan	1807	1014	56%	97	45	46%
Melaka	1223	880	72%	92	47	51%
Johor	5193	3570	69%	114	71	62%
Pahang	1872	1176	63%	120	44	37%
Terengganu	1548	1119	72%	61	25	41%
Kelantan	2796	1761	63%	158	117	74%
Sabah	4177	2364	57%	143	81	57%
Sarawak	3727	2305	62%	142	78	55%
WP Labuan	201	77	38%	12	4	33%
<b>JUMLAH</b>	<b>42,951</b>	<b>26,970</b>	<b>63%</b>	<b>1,603</b>	<b>912</b>	<b>57%</b>

Terdapat perbezaan antara **Jadual 1** dan **Jadual 2** di mana data kapasiti dan penggunaan di **Jadual 2** adalah juga termasuk untuk kes COVID-19 dan kes bukan COVID-19.

## Jadual 3: Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 ke hospital awam mengikut kategori dan negeri pada 31 Mac 2022

BILANGAN KEMASUKAN PESAKIT HARIAN COVID19 KE HOSPITAL AWAM MENGIKUT KATEGORI & NEGERI PADA 31.3.2022


NEGERI	NUMBER OF HOSPITAL BEDS FOR COVID-19	CAT 1	CAT 2	CAT 3	CAT 4	CAT 5	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT ADMITTED	TOTAL DAILY COVID-19 PATIENT DISCHARGED
Perlis	165	0	3	0	2	0	5	15
Kedah	1,228	6	23	9	27	2	67	47
Penang	691	5	21	6	18	0	50	50
Perak	882	7	37	5	24	1	74	43
Selangor	1,587	13	50	26	28	6	123	190
WP Kuala Lumpur	731	5	18	13	6	0	42	23
WP Putrajaya	83	5	8	3	4	0	20	13
Negeri Sembilan	516	5	25	3	12	3	48	20
Melaka	283	5	3	1	2	5	16	24
Johor	1,616	2	61	13	23	4	103	81
Pahang	771	4	18	2	8	2	34	43
Terengganu	487	8	11	4	10	1	34	28
Kelantan	750	3	20	4	14	2	43	52
Sabah	1,313	2	8	4	5	2	21	27
Sarawak	1,000	5	43	6	11	0	65	65
WPLabuan	98	0	4	0	1	0	5	0
<b>JUMLAH</b>	<b>12,201</b>	<b>75</b>	<b>353</b>	<b>99</b>	<b>195</b>	<b>28</b>	<b>750</b>	<b>721</b>

KKM ingin menjelaskan bahawa terdapat **perbezaan di antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital (Jadual 3)** berbanding kes COVID-19 kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosa pada setiap hari. Ini memandangkan **keadaan klinikal pesakit yang dinamik** dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti COVID-19.

Pada masa yang sama, terdapat juga kes-kes COVID-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

Pada 31 Mac 2022, sebanyak **750 kes** COVID-19 dimasukkan ke hospital dengan kategori berikut (**Rajah 1**):

- **322 kes (42.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **428 kes (57.1 peratus)** adalah kategori 1 dan 2.



**Rajah 1:** Bilangan kemasukan pesakit harian COVID-19 berdasarkan kategori ke hospital

Selain itu, KKM ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada 31 Mac 2022:

- Kes sembuh: **18,253 kes** [3,960,082 kes kumulatif (94.2%)];
- Kes baharu: **18,560 kes** (4,201,919 kes kumulatif);
- Kes import: **187 kes** [175 warganegara (93.6%); 12 bukan warganegara (6.4%)];
- Kes tempatan: **18,373 kes** [17,550 warganegara (95.5%); 823 bukan warganegara (4.5%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **267 kes** (128 kes disahkan COVID-19; 139 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan); dan
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **164 kes** (79 kes disahkan COVID-19; 85 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan).

### **PERINCIAN KATEGORI KES COVID-19**

Daripada **18,560 kes** harian yang dilaporkan pada 31 Mac 2022:

- Kategori 1: 9,473 kes (51.04%);
- Kategori 2: 8,962 kes (48.29%);
- Kategori 3: 47 kes (0.25%);
- Kategori 4: 37 kes (0.20%); dan
- Kategori 5: 41 kes (0.22%).

Daripada **125 kes** COVID-19 kategori 3, 4, dan 5 yang baharu dilaporkan pada 31 Mac 2022:

- 34 kes (27.20%) tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi;
- 50 kes (40.00%) telah menerima dua (2) dos vaksin COVID-19 tetapi belum menerima dos penggalak (*booster*);
- 41 kes (32.80%) telah menerima dos penggalak (*booster*);
- 67 kes (53.60%) berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- 66 kes (52.80%) mempunyai komorbid.

### **KLUSTER COVID-19**

- Jumlah kluster: **6,932 kluster**;
- Jumlah kluster baharu: **Tiada**;
- Jumlah kluster yang telah tamat: **6,734 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif: **198 kluster**.

## NILAI R<sub>T</sub>

Perincian nilai R<sub>T</sub> mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4**. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**Jadual 4:** Nilai R<sub>T</sub> mengikut negeri berdasarkan kes yang dilaporkan pada 31 Mac 2022

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI R<sub>T</sub></b>
Selangor	1.06
Perak	0.88
Sarawak	0.86
Melaka	0.86
WP Kuala Lumpur	0.84
Negeri Sembilan	0.81
WP Putrajaya	0.80
Pulau Pinang	0.78
Terengganu	0.77
Pahang	0.76
Johor	0.75
WP Labuan	0.75
Perlis	0.73
Kedah	0.72
Kelantan	0.67
Sabah	0.64
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.87</b>

## **FASA PERALIHAN KE ENDEMIK**

KKM ingin menjelaskan bahawa istilah **endemik, epidemik, dan pandemik** adalah antara istilah dalam bidang kesihatan awam bagi menggambarkan keseriusan kadar penyebaran sesuatu penyakit, terutamanya penyakit berjangkit. **Pandemik** adalah kejadian penyakit dengan bilangan kes melebihi kadar biasa yang berlaku di seluruh dunia dan melibatkan populasi yang besar, kebiasaannya disebabkan oleh jangkitan penyakit baharu (*novel*); contohnya, Pandemik COVID-19, Pandemik *Plague* (kurun ke-14), Pandemik *Influenza-Spanish Flu* (1918-1919), dan *Influenza* H1N1 (2009). Istilah **endemik** pula merujuk kepada kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat tetapi pada kadar yang stabil; contohnya Demam Denggi di lebih 100 negara termasuk Malaysia.

**Pada 1 April 2022**, Malaysia memasuki **fasa peralihan ke endemik**. Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal. Pengisytiharan Kawasan Jangkitan Tempatan masih lagi dikuatkuasakan di seluruh Malaysia di bawah Seksyen 11 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] sehingga 30 Jun 2022. Selain daripada penguatkuasaan Akta 342 semasa



dalam tempoh fasa peralihan ke endemik ini, langkah-langkah kawalan dan pencegahan jangkitan COVID-19 juga dilaksanakan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan Ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022] yang telah diwartakan pada 31 Mac 2022.

Protokol dan arahan pencegahan dan kawalan tersebut diperincikan dalam prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan mulai 1 April 2022. SOP yang telah dipermudahkan daripada 181 SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) ini disokong oleh **sembilan (9) garis panduan** yang menjelaskan risiko jangkitan, penilaian risiko, serta tindakan pencegahan yang perlu diambil oleh individu, pengembara, majikan, dan pihak bertanggungjawab ke atas premis yang diperjelaskan di bawah tajuk:


- i. Memakai pelitup muka di tempat awam;
- ii. Menguruskan kes yang disyaki atau disahkan mengikut garis panduan KKM;
- iii. Menjaga penjarakan fizikal sekiranya boleh;
- iv. Memastikan pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik;
- v. Menjaga kebersihan tangan;
- vi. Memastikan kebersihan premis;

- vii. Melakukan ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan *National Testing Strategy* (NTS);
- viii. Mematuhi keperluan vaksinasi untuk aktiviti tertentu;
- ix. Memastikan waktu operasi mengikut ketetapan lesen atau permit yang dibenarkan; dan
- x. Menggunakan *check-in* MySejahtera atau *MySejahtera Trace* untuk membantu pengesanan kontak.

Sebagaimana sedia maklum, kadar kebolehjangkitan varian Omicron adalah lebih tinggi berbanding varian Delta dan kebanyakan pesakit mengalami gejala yang lebih ringan, di mana jumlah kes dengan komplikasi teruk adalah rendah. Keadaan ini disumbangkan oleh tahap imuniti yang tinggi terhadap virus SARS-CoV-2 pada seseorang hasil daripada vaksinasi COVID-19 atau imuniti semulajadi selepas jangkitan COVID-19.

Berbanding dengan gelombang varian Delta yang berlaku dari penghujung Jun 2021 hingga Oktober 2021, gelombang varian Omicron yang bermula dari Januari 2022 hingga kini menunjukkan kadar kematian, kemasukan ke ICU, dan penggunaan alat bantuan pernafasan yang lebih rendah meskipun terdapat peningkatan jumlah pada kes harian (*decoupling effect*) (**Rajah 2**).

## Rajah 2: Perbezaan antara kes harian, ICU, kematian, dan alat bantuan pernafasan semasa gelombang varian Delta dan varian Omicron



Walaupun liputan vaksinasi COVID-19 dalam kalangan individu dewasa di Malaysia telah mencapai lebih 90%, program kawalan penyakit yang mantap melalui intervensi kesihatan awam masih perlu diteruskan untuk mengurangkan risiko jangkitan, morbiditi, dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi.

### PERSEDIAAN MEMASUKI FASA PERALIHAN KE ENDEMIK

Semasa fasa peralihan ke endemik, masyarakat perlu belajar untuk **hidup bersama virus COVID-19** atau “*Living with COVID-*

19” dalam keadaan yang paling kurang mengganggu kehidupan harian dengan mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam bagi melindungi diri, keluarga, dan masyarakat. Pengurusan pandemik COVID-19 perlu beralih daripada kebergantungan kepada intervensi Kerajaan seperti SOP dan undang-undang kepada **keperihatinan Kerajaan, tanggungjawab individu, dan solidariti komuniti.**

## **1. Keperihatinan Kerajaan**

Dalam fasa peralihan ke endemik ini, Kerajaan akan terus memberi perlindungan dan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk rakyat melalui:

- i. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);
- ii. Penggunaan MySejahtera untuk FTTIS (*Find, Test, Trace, Isolate, Support*);
- iii. Sistem Amaran dan Tindakan (*Heightened Alert System*);
- iv. CAC Maya (*Virtual CAC*) dan;
- v. Perawatan COVID-19.

## **2. Solidariti komuniti**

Solidari komuniti dapat dicapai dengan:

- i. Mematuhi langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19;
- ii. Saling mengingatkan untuk sentiasa mengamalkan norma baharu dalam kehidupan; dan

- iii. Bersama-sama menjaga dan melindungi golongan berisiko tinggi dengan memastikan mereka mendapatkan vaksin COVID-19 termasuk dos penggalak, menghubungi kes positif yang berada di rumah untuk bertanyakan keadaan mereka, membantu menyediakan keperluan harian seperti makan dan minum kepada mereka, serta memastikan mereka mempunyai akses kepada CAC dan hospital berhampiran sekiranya tahap kesihatan merosot.

### **3. Tanggungjawab individu**

Setiap individu mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk melindungi diri, keluarga, dan komuniti daripada COVID-19.

Antaranya adalah:

- i. Elakkan berada di tempat awam sekiranya bergejala;
- ii. Membuat penilaian risiko sendiri (lakukan TRIIS jika bergejala atau merupakan kontak rapat);
- iii. Elakkan ke tempat sesak dan sempit. Sekiranya berada di tempat sesak dan sempit, sentiasa memakai pelitup muka dengan betul, mengekalkan penjarakan fizikal sekiranya boleh, dan aktifkan MySj Trace untuk pengesanan kontak;
- iv. Mengamalkan gaya hidup sihat dan;
- v. Tahu bertindak sekiranya diri atau ahli keluarga positif COVID-19.

KKM ingin mengingatkan sekali lagi bahawa Negara kini berada dalam fasa peralihan ke endemik dan belum lagi memasuki fasa endemik. Oleh yang demikian, SOP yang ditetapkan semasa fasa peralihan ke endemik ini perlu diamalkan oleh setiap individu supaya dapat mencegah penularan jangkitan COVID-19 dan seterusnya beralih ke fasa berikutnya dengan lebih selamat.

**COVID-19**  
#KitaMestiMenang

**BAGI PESAKIT COVID-19 ATAU KONTAK RAPAT YANG MENJALANI KUARANTIN DI RUMAH.**

JIKA ANDA MEMPUNYAI GEJALA BERIKUT :

- Batuk yang berpanjangan
- Kelesuan yang bertambah teruk
- Demam yang berpanjangan
- Kesukaran bernafas
- Nafas laju
- Tidak boleh makan atau minum
- Muntah / Cirit-birit yang bertambah teruk
- Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar

**DAPATKAN RAWATAN DENGAN SEGERA :**  
Pergi ke CAC yang berdekatan. Jika kecemasan, hubungi talian 999 atau segera ke hospital berdekatan.

Putuskan Rantaian COVID-19

Sumber : Annex 2 Guideline Management of COVID-19



Kementerian  
Kesihatan  
Malaysia



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
COVID-19

MYHEALTHKKM



SCAN ME

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*); Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala;
- Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **COVID-19 Assessment Centre (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh

didapatkan di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Tempoh isolasi bagi individu **positif COVID-19 yang telah lengkap vaksinasi termasuk yang telah mendapat dos penggalak (*booster*) adalah tujuh (7) hari**, manakala tempoh isolasi bagi **individu positif COVID-19 yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari**. Tempoh isolasi terkini tidak mengambil kira sama ada bergejala atau tidak bergejala.

Individu yang belum menerima vaksin dan tidak pernah dijangkiti COVID-19 adalah kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. KKM menasihatkan individu ini agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri dan orang tersayang.



KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 April 2022 @ 10.00 pagi

## Lampiran 1

**Jadual 5:** Perbandingan gejala COVID-19 Kategori 2A (ringan) dan 2B (sederhana)

Kategori 2A	Kategori 2B
Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas	Demam berpanjangan [dua (2) hari dan lebih] atau demam semula selepas sembuh
Batuk tanpa demam atau sesak nafas	Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti ( <i>exertional dyspnoea</i> )
Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan	Sakit dada
Hilang deria bau	Tidak boleh makan atau minum
Cirit-birit dua (2) kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Kelesuan bertambah teruk terutamanya semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)	Memerlukan bantuan untuk berjalan
Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian	Perubahan status mental seperti kekeliruan / kurang tahap sedar
	Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam